

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO' SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PERASMIAN KURSUS KHAS AHLI-AHLI BAKTI
ANJURAN BERSAMA BAKTI DAN INTAN
DI DEWAN SRI BAIDURI, INTAN, KUALA LUMPUR
PADA HARI ISNIN, 17 APRIL 2000
JAM 9.00 PAGI**

Saya bersyukur ke-hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat saya hadir bersama dalam majlis pada pagi ini. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak penganjur kursus kerana sudi menjemput saya dan seterusnya, merasmikan kursus ini.

2. Saya diberi maklum bahawa Kursus Khas Ahli-ahli BAKTI ini telah dirancang dengan begitu teliti supaya objektif kursus dapat dihayati sepenuhnya dan meninggalkan kesan yang mendalam kepada ahli-ahli yang menyertainya. Saya juga difahamkan bahawa antara objektif utama kursus ini adalah:

- Meningkatkan semangat kekitaan dan kerja berpasukan di kalangan ahli-ahli BAKTI;
- Menjadikan ahli-ahli BAKTI lebih peka terhadap pembaharuan dan perubahan dalam Dasar-dasar Kerajaan;
- Meningkatkan sumber motivasi dan daya penggerak yang memberangsangkan minda suami;
- Meningkatkan keupayaan menjadi isteri yang berbudaya murni dan berkualiti tinggi; dan

- Menjadi pemimpin yang berkesan dalam aktiviti wanita.

3. Saya percaya kursus ini merupakan satu strategi penting ke arah memperkukuhkan kemampuan ahli-ahli BAKTI supaya mereka dapat memainkan peranan yang penting dalam pembangunan diri dan keluarga khususnya, dan masyarakat dan negara amnya.

4. Kursus ini adalah sesuai kerana ia akan mendedahkan pelbagai aspek seperti penampilan diri, komunikasi berkesan, pembinaan semangat kerja berpasukan dan kepimpinan. Adalah menjadi harapan saya bahawa saudari-saudari akan dapat mengikuti semua perbincangan panel dan melibatkan diri secara aktif dalam menyumbangkan buah fikiran. Saya yakin dengan penglibatan yang aktif saudari-saudari sekalian akan lahir idea-idea yang bernas dan resolusi-resolusi praktikal yang boleh diamalkan.

5. Saya seterusnya suka mengambil peluang ini untuk memperkatakan tentang peranan saudari-saudari dalam pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara serta antarabangsa. Saya juga suka berkongsi pengalaman untuk menunjukkan bagaimana saudari-saudari boleh memberikan sumbangan yang berkesan di pelbagai peringkat seperti yang dinyatakan.

Pembangunan Diri

6. Perubahan persekitaran yang begitu dinamik dan sukar diramalkan sekarang tidak boleh lagi dianggap sebagai perkara biasa yang tidak akan menjejaskan kedudukan kita. Kita tidak boleh lagi berdiam diri dan selesa dengan status kita. Dalam era ledakan maklumat dan ilmu pengetahuan, kita boleh menjadi tidak relevan jika kita tidak mengikuti perkembangan yang berlaku ke atas cara dan gaya kehidupan moden masyarakat. Mereka yang leka dan alpa akan menjadi usang ditelan zaman. Apa yang jelas negara memerlukan kita berganding bahu dengan kaum lelaki bagi menangani

cabaran-cabaran baru. Dalam erti kata lain, peranan kita menjadi sama penting dengan kaum lelaki untuk pembangunan negara.

7. Saya percaya untuk terus maju dalam era maklumat dan ilmu pengetahuan ini, kita perlu mempunyai minda yang aktif dan terbuka. Minda yang mampu memahami dan menangani perubahan serta sanggup berubah mengikut keadaan persekitaran. Kita perlu sedar betapa pentingnya kepekaan kita terhadap perubahan. Kita perlukan pendedahan kepada pelbagai perkara seperti k-ekonomi dan k-sosial serta k-politik (jika terma ini boleh saya gunakan) kerana kita adalah isteri-isteri kepada anggota pentadbiran dan eksekutif politik. Misalnya, jika kita menghadapi masalah, kita dapat memahami masalah tersebut dengan tepat dan tahu cara-cara mengatasinya. Begitu juga, kalau kita berjaya mencapai sesuatu kejayaan atau kecemerlangan, kita mampu untuk mengekalkannya. Malahan kita terus berupaya menambah nilai kepada kejayaan atau kecemerlangan tersebut supaya lebih terserlah.

8. Saya ingin menegaskan bahawa usaha penambahan ilmu adalah amat penting. Tambahilah ilmu dalam segenap bidang seperti untuk meningkatkan pencapaian akademik, bijak mengendalikan mesyuarat, petah membuat pengucapan awam, membina jaringan perhubungan atau network, dan perkara hal ehwal semasa.

9. Satu lagi perkara yang penting dalam pembangunan diri adalah peningkat personaliti. Bagi membolehkan saudari-saudari sentiasa disegani dan dihormati, aspek peningkatkan personaliti perlulah dititikberatkan. Nilai-nilai moral yang tinggi perlu dikekalkan supaya saudari-saudari sentiasa yakin pada diri sendiri dan berbudi tinggi. Kesan jangka panjang peningkatan personaliti ini ialah ia dapat melahirkan sifat-sifat kewibawaan yang tiada tandingnya.

Pembangunan Keluarga

10. Pada asasnya saudari-saudari sekalian memainkan dua peranan penting dalam aspek pembangunan keluarga iaitu sebagai isteri kepada pemimpin-pemimpin negara dan

ibu kepada anak-anak di rumah. Dalam corak kehidupan sekarang, kita tidak boleh lagi dianggap memainkan peranan sebagai penyokong kepada suami masing-masing atau hanya sebagai suri rumah sahaja. Apa yang lebih penting ialah kita perlu mempunyai imej sebagai rakan kongsi bistari rumahtangga dan ibu mithali yang menjadi 'role model' kepada anak-anak.

11. Saudari-saudari perlu mempunyai sifat-sifat isteri yang berjaya. Di antara sifat-sifat penting adalah pandai menyesuaikan diri, saling hormat-menahormati, bertimbang rasa, berwajah ceria, penuh kesetiaan dan berbicara dengan suara yang lemah lembut, terutamanya ketika mengeluarkan kata-kata yang mengisyaratkan kerinduan. Dengan mempunyai sifat-sifat mulia dan murni yang dinyatakan, saya rasa ilmu pengasih seperti minyak senyonyong, yang kononnya dapat mewujudkan keharmonian hidup suami isteri dan keluarga tidak diperlukan lagi.

12. Saya juga ingin menyarankan supaya saudari-saudari sekalian menggunakan kepintaran dan kebijaksanaan ketika berinteraksi dengan ahli keluarga, jiran dan rakan. Anggaplah perkhidmatan saudari-saudari terhadap suami dan ahli keluarga sebagai satu perkhidmatan ikhlas dan jujur yang tidak memerlukan balasan. Keikhlasan dan kejujuran sedemikian diharapkan akan memupuk dan mengekalkan perasaan kasih sayang. Begitu juga perasaan saling hormat menghormati di antara satu sama lain perlu diamalkan. Sesiapa pun inginkan penghargaan terhadap usaha dan jasa yang dicurahkan lebih-lebih lagi kerana ianya tidak boleh dinilai dengan wang ringgit. Manusia mempunyai sifat-sifat kasih sayang dan cinta mencintai di antara satu dengan yang lain. Misalnya, lemparan senyuman manis seorang isteri merupakan satu penghormatan dan penghargaan terhadap suami dan satu pancaran kasih sayang kepada anak-anak.

13. Saudari-saudari juga perlu memberi perhatian kepada isu kesihatan kerana kesihatan adalah cermin diri kita. Sebagai seorang isteri dan ibu, saudari-saudari perlu menjaga kesihatan diri dan ahli keluarga yang lain. Sikap dan amalan harian kita mempengaruhi kesihatan kita. Apabila kita sihat dan bersemangat maka kita akan

merasakan satu kehebatan yang boleh memberangsangkan diri kita untuk terus hidup aktif dan bergiat cergas. Perasaan "feeling good in you" adalah mustahak dalam hidup.

Pembangunan Masyarakat dan Negara

14. Peranan saudari-saudari dalam pembangunan masyarakat dan negara adalah besar. Pada hakikatnya di sisi setiap lelaki yang berjaya akan berdiri seorang isteri. Saudari-saudari sekalian berada dalam kedudukan sedemikian. Kejayaan suami saudari-saudari menjadi pemimpin negara dan masyarakat berkait rapat dengan sumbangan saudari-saudari. Dengan erti kata lain, wanita boleh mencorakkan masyarakat. Kaum wanita merupakan potensi sumber pembangunan yang perlu mendapat pengiktirafan yang berterusan. Sumbangan wanita tidak boleh diabaikan dalam segala usaha perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan negara. Wanita adalah agen pembangunan masyarakat moden.

15. Sebagai agen perubahan, saudari-saudari menerima maklumat-maklumat baru melalui pelbagai saluran sama ada secara formal seperti kursus, kelas dan ceramah atau secara tidak formal yang diperolehi melalui persatuan-persatuan sukarela atau ketika mengiringi suami di dalam dan di luar negeri. Saudari-saudari menapis maklumat-maklumat baru tersebut. Fakta-fakta yang diterima dinilai. Unsur-unsur yang sesuai dipilih untuk disebarkan. Maklumat-maklumat tersebut disebarkan melalui pelbagai saluran yang berkesan seperti keluarga sendiri dan wanita-wanita lain yang didampingi semasa berinteraksi dalam persatuan atau pertemuan-pertemuan seperti dalam kursus ini. Dalam konteks ini, peranan saudari-saudari sebagai penyebar maklumat yang benar adalah penting. Malahan ketika berada di luar negeri saudari-saudari adalah duta-duta sosial yang penting kepada negara.

16. Pembangunan negara adalah satu proses yang berterusan yang memerlukan penglibatan sepenuhnya daripada semua pihak iaitu lelaki dan wanita. Dalam negara membangun seperti Malaysia, peranan dan sumbangan wanita adalah penting untuk

pembangunan negara. Kira-kira separuh penduduk negara kita adalah wanita dan tenaga wanita ini tidak boleh diabaikan begitu sahaja jika kita ingin maju dengan pesat.

17. Sejak merdeka, kaum wanita sentiasa memainkan peranan dan mengambil bahagian yang sewajarnya dalam pembangunan negara. Peluang ini tidak dapat dinikmati oleh ramai wanita di beberapa negara lain. Kita adalah bertuah mendapat peluang dan pengiktirafan sebegitu rupa sehingga menyebabkan kadangkala kita 'take for granted' dan menjadi 'complacent'. Jika kita leka dan lalai kemungkinan besar nasib wanita akan terbiar semula dan pengaruhnya terhakis.

18. Justeru itu, saudari-saudari perlu aktif dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Negara kita masih terdedah kepada pelbagai masalah seperti penyalahgunaan dadah. Seorang pemuda yang menagih dadah bukan sahaja memusnahkan dirinya sendiri tetapi juga menghancurkan harapan kedua-dua ibu bapa dan melemahkan masyarakat dan negara akan datang. Di samping itu, negara kita juga menghadapi masalah-masalah lain seperti bohsia dan lepak yang merupakan masalah-masalah golongan remaja. Keadaan ini mungkin disebabkan ramai daripada remaja masa kini tidak mendapat bimbingan bagaimana memenuhi masa lapang mereka dengan kerja-kerja berfaedah. Saya percaya melalui kursus ini, kesedaran saudari-saudari terhadap kepentingan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan akan bertambah.

19. Saudari-saudari sekalian, saya tahu bahawa antara ahli-ahli BAKTI yang baru, terdapat berbagai peringkat intellectual dan profesional yang mungkin menimbulkan perasaan bahawa kursus ini tidak perlu bagi diri mereka, kerana sudah diamalkan atau sudah tahu. Namun saya selalu memperingati diri saya dan ingin memperingati saudari-saudari jua bahawa pendidikan adalah suatu proses seumur hidup dan tiada seorang insan pun boleh berkata bahawa ia telah mengetahui segala-galanya. Adakalanya seseorang itu berkebolehan bermesra dengan semua lapisan masyarakat dengan pendekatan yang tertentu. Adakalanya seseorang itu pakar dalam sesuatu bidang profesional tetapi tidak pakar dalam pergaulan dengan masyarakat. Ada yang malas berjumpa atau melibatkan

diri dengan aktiviti masyarakat. Sebagai isteri kepada pemimpin-pemimpin politik kita harus tahu cara-cara pendekatan yang terbaik sekali.

20. Saya berharap saudari-saudari akan menghadiri kursus ini hingga hari terakhir supaya segala objektif kursus ini akan mencapai matlamatnya. dan saudari-saudari dapat memanfaatkan kursus ini demi pembangunan diri. keluarga. masyarakat dan negara. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan kursus ini terutama INTAN dan BAKTI.

21. Dengan kata-kata itu dan lafaz suci “ Bismillahir rahmanirrahim”, saya merasmikan kursus Khas Ahli-ahli BAKTI Anjuran Bersama BAKTI dan INTAN pada pagi ini.
